

# Harga ayam kembali stabil di Kelantan

**KOTA BHARU 12 Julai** - Selepas pemantauan ketat dilakukan dan sebanyak 24 notis dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kelantan sejak Khamis lalu sehingga semalam, harga ayam di negeri ini kembali stabil.

Tinjauan mendapati harga ayam di sekitar bandar ini menurun antara RM7 sehingga RM9 sekilogram hari ini berbanding RM30 seekor pada Sabtu lalu.

Ketua Seksyen Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan negeri, Shamsuri Hamzah berkata, sebanyak 18 notis dikeluarkan kepada peruncit manakala enam notis ke-

pada pemborong mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Beliau berkata, kesemua peruncit dan pemborong tersebut perlu menjawab notis dalam tempoh tujuh hari selepas dikeluarkan, sekiranya gagal mereka akan didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman.

"Di bawah seksyen ini, mereka yang didapati bersalah boleh didenda maksimum sebanyak RM100,000 dan RM250,000 untuk syarikat.

"Biarpun harga ayam semakin pulih, namun Kementerian akan sentiasa memantau peniaga di pasar-pasar basah di negeri ini bagi me-

mastikan tiada peniaga yang cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan di Pasar Siti Khadijah di sini hari ini.

Sejak Khamis lalu, Kementerian menerima pelbagai rungutan mengenai kenaikan harga yang melambung tinggi sehingga RM30 seekor.

Sementara itu, Shamsuri berkata, sejak 16 Jun sehingga 6 Julai lalu, sebanyak 46 kes kesalahan di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri dikesan di negeri ini dengan nilai rampasan sebanyak RM10,443.50.

"Daripada kes tersebut, kita menge-

luarkan kompaun RM11,300 ke atas peniaga terbabit dengan Kota Bharu mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 26 kes diikuti Pasir Mas dan Tanah Merah (tujuh kes) diikuti Kuala Krai serta Gua Musang (tiga kes).

"Jenis kesalahan yang dilakukan ialah gagal mempamerkan tanda harga berwarna merah jambu pada barang kawalan dan gagal mempamerkan tanda harga," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai harga ayam yang melambung akibat wabak bronkitis berjangkit, Shamsuri berkata, perkara itu tidak benar kerana hasil pemantauan mendapati barangan basah itu masih banyak terdapat di pasaran.



**BEKALAN** ayam mencukupi di pasaran tetapi terdapat peniaga yang menaikkan harganya. - GAMBAR HIASAN